

# Dasar pembinaan mesti segera dirombak

B.H 2/12/07 M/S 30

**U**MUM mengetahui hampir 90 peratus daripada kehidupan seharian seorang manusia berada di dalam bangunan. Ini menunjukkan bahawa bangunan adalah suatu keperluan kepada manusia sama ada ia digunakan sebagai kediaman, pejabat dan sebagainya.

Namun, berapa ramaikah di antara kita yang menitikberatkan tahap keselamatan bangunan yang kita diami sama ada dari sudut struktur bangunan, kemudahan dalam bangunan dan persekitaran bangunan?

Tragedi yang berlaku di Bukit Antarabangsa, Hulu Klang kelmarin bukanlah suatu perkara baru, malah ia adalah tragedi ketiga paling buruk di Hulu Klang sejak Disember 1993, yang memabit satu blok Highlands Tower runtuh.

Persoalannya, kenapa ia masih berlaku dan terus berlaku tanpa sebarang usaha diambil oleh pihak yang berwajib sebagai langkah berjaga-jaga bagi mengawal dan mengelakkan risiko kehilangan nyawa manusia terutama bagi bangunan yang dibina di lereng bukit.

Ternyata peristiwa kebakaran Kompleks Campbell pada 1975, kejadian keruntuhan struktur bangunan Jeti Pengkalan Sultan Abdul Halim pada 31 Julai 1988, keruntuhan struktur asrama dalam projek Atma dan projek bangunan Pularek pada 1999, yang banyak mengorbankan nyawa belum cukup memberi kesedaran kepada pihak berwajib bagi mewujudkan mekanisme terbaik bagi menangani isu ini secara sistematis dan berkesan.

Faktor hujan lebat yang menyebabkan tanah runtuh dan sebagainya tidak boleh dijadikan alasan semata-mata untuk kita terus menyalahkan faktor alam. Apa yang pasti, setiap kejadian itu mempunyai sebab dan tanda ia akan terjadi.

Oleh itu, kita sebagai pengguna atau pemilik yang mendiami bangunan perlu lebih peka untuk memastikan struktur bangunan, kemudahan dalam bangunan dan persekitaran bangunan kita berada pada tahap yang baik.

Khidmat profesional yang berkelayakan perlu diperolehi sekiranya tahap ilmu pengetahuan yang kita miliki tidak mampu untuk melaksanakan tugas itu.

Semua kejadian ini memerlukan kelemahan mutu kawalan bangunan sedia ada serta kelemahan pemantauan kepada struktur bangunan yang perlu dilaksanakan menerusi tiga peringkat penting iaitu

- Sebelum Pembinaan – Memeriksa pelan bangunan/pembangunan supaya ia mematuhi kehendak undang-undang berkaitan yang ditetapkan oleh kerajaan atau Pihak Berkuasa Tempatan terutama yang menyentuh cadangan komponen pembangunan, pemeriksaan tapak dan peraturan keselamatan bangunan. Tidak ketinggalan ia juga perlu membabitkan kerja ukur situasi ke atas struktur bangunan di persekitaran.

- Ketika Pembinaan – Mengawal selia kualiti melalui penyiasatan dan audit bangunan, memeriksa keadaan



**KEJADIAN** tanah runtuh di kawasan Bukit Antarabangsa iktibar daripada kelalaian manusia.

tapak dan selepas bangunan siap, mengesyorkan pengeluaran Sijil Pematuhan Pembinaan (Certificate of Construction Compliance).

- Selepas Pembinaan – Menentukan prestasi bangunan dan mutu penyelenggaraan yang tinggi, memantau kesejahteraan pengguna terjamin melalui penilaian lepas duduk, membuat kerja ukur situasi dan kerja pemuliharaan bangunan.

Persoalannya, siapa sebenarnya layak memikul tanggungjawab menguruskan kerja kawalan dan pemantauan struktur bangunan ini. Kelayakan diperlukan sudah semestinya mencakupi pengetahuan dalam bidang sains bangunan iaitu seni bina, reka bentuk struktur, elektrik, mekanikal, penguukuran, undang-undang dan bidang lain berkaitan keper-

luan dalam proses pembinaan bangunan.

Ditinjau fenomena dan permasalahan dihadapi dalam industri bangunan dan pembinaan di Malaysia kini, maka tidak dapat tidak peranan Juruukur Bangunan mesti diketengahkan menerusi penguatkuasaan Akta Juruukur Bangunan kerana sehingga kini tiada satu pun profesion yang mempunyai peranan khusus, mampu memikul tanggungjawab ini secara berkesan.

Kejadian buruk, peristiwa hitam, rungutan dan aduan yang sudah sekian banyak berlaku dalam industri binaan membuktikan perubahan perlu dibuat secara lebih serius supaya pengguna dan pemilik yang menghinai bangunan tidak terus terdedah dengan risiko yang kian hari kian meruncing.

Oleh itu, semua pentadbir dan pembuat keputusan, sama ada pada peringkat persekutuan, kerajaan negeri atau Pihak Berkuasa Tempatan dan juga organisasi swasta perlu melihat kepentingan ini secara objektif, telus dan proaktif bagi menentukan kebajikan orang awam, pemilik dan pengguna bangunan terpelihara dan dilindungi.

Kita sudah tidak boleh lagi bersikap tunggu atau menanti sehingga sesuatu kejadian buruk berlaku terlebih dulu barulah saling salah menyalahi dan terburu-buru dalam mencari kaedah penyelesaian jangka pendek yang tidak memberikan sebarang jaminan kepada rakyat.

**AHMAD FAUZI  
MD SOOD,**

*Taman Desa Indah, Nilai,  
Negeri Sembilan.*